



CUKAI PERKHIDMATAN 2018

PANDUAN UMUM

Diterbitkan oleh :

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Bahagian Cukai Dalam Negeri
Putrajaya**

27 Februari 2024

Penerbitan

Tarikh: 27 Februari 2024

Panduan ini menggantikan Panduan Umum Cukai Perkhidmatan versi 3 bertarikh 4 Ogos 2021.

Notis Hakcipta

Hak Cipta 2024 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hakcipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan penerbitan panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam menghasilkan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber diperlukan.

Penafian

Maklumat ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum mengenai layanan cukai yang relevan dan kewajipan pembayar cukai di bawah Perundangan Cukai Perkhidmatan. Panduan ini tidak bertujuan untuk mengatasi semua masalah cukai yang mungkin timbul secara komprehensif. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam Panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan mana-mana maklumat daripada Panduan ini. Semua maklumat adalah terkini semasa persediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

KANDUNGAN

PENGENALAN	1
Deposit	1
Perundangan	1
SKOP CUKAI.....	2
Pengenaaan Cukai	2
Kadar Cukai Perkhidmatan.....	3
Perubahan Kadar Cukai Di Bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018.....	3
Orang Kena Cukai	4
Perkhidmatan Bercukai	4
Cukai Perkhidmatan Genap Masa	10
PENDAFTARAN.....	12
Penentuan / Pengiraan Nilai Perkhidmatan	12
Liabiliti Untuk Didaftarkan	14
Permohonan Pendaftaran	14
Pendaftaran Sukarela.....	16
Arahan Untuk Menganggap Orang Sebagai Orang Kena Cukai Tunggal	16
Pendaftaran Perkongsian	18
Pendaftaran Cawangan atau Bahagian	18
Mengemaskini Maklumat Pendaftaran	19
Pemberhentian Tanggungan untuk Berdaftar	19
Pembatalan Pendaftaran	20
PERAKAUNAN UNTUK CUKAI PERKHIDMATAN	20
Nilai Perkhidmatan Bercukai.....	20
Invois	21

Pengeluaran Invois oleh Komputer	24
Nota Kredit Dan Nota Debit	24
PENGEMUKAAN PENYATA CUKAI PERKHIDMATAN	27
Tempoh Bercukai	27
Pengemukaan penyata SST-02.....	28
Pengemukaan Perisytiharan SST-02A	28
Pembetulan Kesilapan.....	29
Kuasa Untuk Menaksir	29
Pembayaran Cukai Perkhidmatan	30
Pengenaan Penalti Untuk Pembayaran Lewat	30
Potongan Daripada Penyata Bagi Cukai Perkhidmatan Yang Dibayar Balik	31
MENDAPATKAN BALIK CUKAI PERKHIDMATAN	32
PENGECUALIAN, PEMBAYARAN BALIK DAN REMISI CUKAI PERKHIDMATAN	35
Kuasa Menteri Untuk Mengecualikan Cukai Perkhidmatan	35
Tuntutan Bayaran Balik Cukai Perkhidmatan Berhubung Hutang Lapuk	37
Bayaran Semula Cukai Perkhidmatan Berhubung Dengan Hutang Lapuk.....	39
Pembayaran Cukai Perkhidmatan, Surcaj, Penalti, Fi Atau Wang Lain Yang Terkurang Dibayar Atau Dibayar Balik Secara Silap.....	40
Bayaran Balik Cukai Perkhidmatan, Surcaj, Penalti, Fi Atau Wang Lain Terlebih Bayar Atau Dibayar Secara Silap.....	41
Peremitan Oleh Menteri.....	43
Peremitan Oleh Ketua Pengarah.....	43
PERUNTUKAN KHAS YANG BERHUBUNGAN KAWASAN YANG DITETAPKAN (KD)	44
Tafsiran.....	44
PERUNTUKAN KHAS YANG BERHUBUNGAN KAWASAN KHAS (KK)	46

Tafsiran.....	46
Pembayaran (<i>Disbursement</i>) dan Pembayaran Balik (<i>Reimbursement</i>)	48
KETETAPAN CUKAI PERKHIDMATAN.....	49
Ketetapan Umum.....	49
Ketetapan Kastam	49
KAJIAN SEMULA DAN RAYUAN	50
PERUNTUKAN PERALIHAN	51
Pemansuhan Akta GST 2014	51
Pendaftaran pada Tarikh Permulaan Kuat Kuasa	51
Pendaftaran Automatik	52
Pengemukaan Penyata / Pengisytiharan Untuk Tempoh Bercukai Yang Terakhir, Pembayaran CBP Dan Menuntut Cukai Input dan Pulang Balik	52
Semakan Semula Dan Rayuan Yang Belum Selesai	53
Ejen Cukai CBP	53
PERTANYAAN	54
BANTUAN DAN INFORMASI BERKAITAN SST	54

PENGENALAN

Deposit

1. Panduan Umum Cukai Perkhidmatan adalah sebahagian daripada bahan rujukan yang disediakan untuk membantu perniagaan mempersiapkan diri bagi pelaksanaan cukai perkhidmatan di Malaysia.
2. Panduan ini tidak meliputi perkhidmatan digital yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan asing berdaftar. Untuk maklumat lanjut berhubung penyedia perkhidmatan asing berdaftar, sila rujuk *Guide on Digital Services Provided by Foreign Service Provider*.

Perundangan

3. Perundangan berkaitan pelaksanaan cukai perkhidmatan untuk penyediaan perkhidmatan di dalam Malaysia adalah seperti berikut:
 - (i) Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (ACP 2018)
 - (ii) Peraturan-peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 (PCP 2018)
 - (iii) Peraturan-peraturan Cukai Perkhidmatan (Ketetapan Kastam) 2018
 - (iv) Peraturan-peraturan Cukai Perkhidmatan (Pengkompaunan Kesalahan) 2018
 - (v) Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai) 2018
 - (vi) Perintah Cukai Perkhidmatan (Penetapan Tarikh Permulaan Kuatkuasa) 2018
 - (vii) Perintah Cukai Perkhidmatan (Pengenaaan Cukai bagi Perkhidmatan Bercukai berkenaan dengan Kawasan Ditetapkan dan Kawasan Khas) 2018
 - (viii) Perintah Penetapan Tarikh Efektif bagi Mengenakan dan Melevikan Cukai Perkhidmatan 2018

(ix) Perintah Cukai Perkhidmatan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018

4. Panduan ini juga merujuk kepada dasar-dasar cukai perkhidmatan yang berkaitan bagi memperjelaskan layanan cukai perkhidmatan berdasarkan peruntukan undang-undang dan polisi yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan.

SKOP CUKAI

5. Cukai Perkhidmatan di Malaysia adalah satu bentuk cukai tidak langsung seperingkat yang dikenakan ke atas perkhidmatan tertentu yang dinamakan "perkhidmatan bercukai". Cukai perkhidmatan tidak boleh dilevi ke atas mana-mana perkhidmatan yang tidak termasuk dalam senarai perkhidmatan bercukai yang ditetapkan oleh Menteri di bawah Jadual Pertama PCP 2018.

6. Cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan dan dilevikan ke atas:

- (a) Mana-mana perkhidmatan bercukai yang diberikan di Malaysia oleh orang berdaftar dalam menjalankan perniagaannya; atau
- (b) Mana-mana perkhidmatan bercukai diimport.

7. Cukai perkhidmatan juga dikenakan dan dilevikan ke atas barangan yang telah ditetapkan di bawah PCP 2018.

8. ACP 2018 terpakai di seluruh Malaysia dan di luar Malaysia. Walau bagaimanapun, terdapat peruntukan khas bagi perkhidmatan yang disediakan di kawasan ditetapkan (KD) dan kawasan khas (KK).

Pengenaan Cukai

9. Cukai perkhidmatan dikenakan ke atas apa-apa perkhidmatan bercukai yang: -
- (a) diberikan di Malaysia oleh orang berdaftar dalam menjalankan perniagaannya; atau

(b) diimport.

10. Cukai perkhidmatan tidak dikenakan bagi perkhidmatan berkaitan:

- a) barang atau tanah yang berada di luar Malaysia; atau
- b) perkara di luar Malaysia selain perkara yang dinyatakan dalam (a).

Kadar Cukai Perkhidmatan

11. Kadar cukai perkhidmatan adalah ditetapkan di bawah Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai) 2018 dan berkuatkuasa mulai 1 September 2018.

12. Kadar cukai perkhidmatan yang ditetapkan adalah:

- a) 6% daripada nilai sebenar perkhidmatan bercukai yang diberi selain perkhidmatan bercukai yang berhubungan dengan perkhidmatan kad kredit atau kad caj seperti yang ditetapkan dibawah seksyen 9, ACP 2018.
- b) RM25 setahun ke atas perkhidmatan pengeluaran kad kredit utama, kad caj utama, kad kredit tambahan atau kad caj tambahan mengikut mana-mana yang berkenaan. Cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan:
 - i. apabila setiap kad berkenaan diaktifkan dan setiap 12 bulan selepas itu atau sebahagian daripadanya selepas kad itu diaktifkan; atau
 - ii. ke atas pembaharuan kad dan setiap 12 bulan selepas itu atau sebahagian daripadanya selepas pembaharuan kad.

Perubahan Kadar Cukai Di Bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018

13. Selaras dengan peruntukan subseksyen 10(2) ACP 2018, Menteri Kewangan telah menetapkan kadar cukai perkhidmatan dinaikkan daripada 6% kepada 8% mulai 1 Mac 2024 ke atas semua perkhidmatan bercukai kecuali penyediaan perkhidmatan makanan dan minuman, perkhidmatan telekomunikasi, perkhidmatan ruang letak kenderaan dan perkhidmatan logistik. Kadar cukai perkhidmatan untuk kad kredit dan kad caj kekal dikenakan pada RM25/setahun.

14. Penyediaan perkhidmatan yang ditetapkan di ruang (2), Kumpulan G, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 oleh orang kena cukai penyedia perkhidmatan perundangan, latihan dan tunjuk ajar adalah tertakluk pada kadar 8% kuat kuasa mulai 1 Mac 2024.

15. Layanan peralihan perubahan kadar cukai perkhidmatan boleh merujuk kepada **Panduan Perubahan Kadar Cukai Perkhidmatan**.

Orang Kena Cukai

16. Orang kena cukai ertinya orang berdaftar atau orang yang bertanggung untuk berdaftar di bawah seksyen 12, ACP 2018.

17. Orang kena cukai merangkumi mana-mana orang yang memberi apa-apa perkhidmatan bercukai sama ada individu, syarikat, perusahaan, perkongsian, kelab, badan amanah, pertubuhan koperasi, persatuan dan lain-lain seperti yang disenaraikan di bawah ruang (1), Jadual Pertama, PCP 2018.

Perkhidmatan Bercukai

18. Perkhidmatan bercukai adalah apa-apa perkhidmatan yang ditetapkan sebagai perkhidmatan bercukai seperti disenaraikan di bawah ruang (2) setiap kumpulan di dalam Jadual Pertama, PCP 2018.

19. Orang kena cukai yang menyediakan perkhidmatan bercukai melebihi nilai ambang seperti dinyatakan di bawah ruang (3) setiap kumpulan dalam Jadual Pertama, PCP 2018 adalah bertanggung untuk berdaftar. Perkhidmatan bercukai dan nilai ambang diringkaskan seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1

Kumpulan	Kategori	Nilai Ambang
A	Penginapan	RM500,000
B	Makanan Dan Minuman	RM1,500,000
C	Kelab Malam, Dewan Tari-Menari, Kabaret, Pusat Karaoke, Pusat Kesihatan	RM500,000

Kumpulan	Kategori	Nilai Ambang
	dan Kesejahteraan, Rumah Urut, Rumah Awam dan Rumah Bir	
D	Kelab Persendirian	RM500,000
E	Kelab Golf Dan Lapangan Sasar Golf	RM500,000
F	Pertaruhan dan Perjudian	RM500,000
G	Profesional atau Kemahiran	RM500,000
H	Kad Kredit Dan Kad Caj	Tiada nilai ambang (perlu berdaftar apabila mendapat kelulusan Bank Negara Malaysia)
I	Penyedia Perkhidmatan Lain	RM500,000
J	Perkhidmatan Logistik	RM500,000
	Ejen Kastam	Tiada nilai ambang (perlu berdaftar apabila memulakan perniagaan)

20. Mana-mana perkhidmatan bercukai di **Jadual 1** yang diperolehi oleh mana-mana orang di Malaysia daripada mana-mana orang di luar Malaysia merupakan perkhidmatan bercukai diimport. Penerangan lanjut berhubung dengan perkhidmatan bercukai diimport boleh merujuk kepada garis panduan yang disediakan di bawah Panduan Perkhidmatan Bercukai Diimport.

Perkhidmatan Bercukai dalam Kumpulan Syarikat yang Sama

21. Perkhidmatan bercukai dalam Kumpulan G (a, b, c, d, e, f, g, h, i atau l), Jadual Pertama, PCP 2018 yang disediakan di antara syarikat dalam kumpulan syarikat yang sama adalah tidak menjadi perkhidmatan bercukai jika mematuhi syarat-syarat tertentu yang ditetapkan di bawah perenggan 3 hingga 9, Jadual Pertama, PCP 2018. Layanan cukai perkhidmatan ini akan dirujuk sebagai **pelepasan kumpulan**.

22. Selaras dengan perenggan 3, Jadual Pertama, PCP 2018, dua atau lebih syarikat layak dianggap sebagai syarikat dalam suatu kumpulan syarikat jika satu syarikat mengawal setiap daripada syarikat lain dan syarikat hendaklah dianggap mengawal syarikat lain jika syarikat yang pertama disebut memegang:

- a) Secara langsung;
- b) Secara tidak langsung melalui subsidiari; atau
- c) Bersama secara langsung atau tidak langsung melalui subsidiari,
 - i. lebih daripada lima puluh peratus daripada modal berbayar (saham) yang dikeluarkan oleh syarikat kedua disebut; atau
 - ii. dua puluh peratus hingga lima puluh peratus modal berbayar yang dikeluarkan oleh syarikat kedua yang disebut dan syarikat pertama yang disebut mempunyai kuasa untuk melantik atau memecat kesemua atau majoriti pengarah dalam lembaga pengarah dalam syarikat kedua yang disebut.

23. Saham yang disebutkan dalam perenggan 19 tidak diambil kira sekiranya saham dipegang: -

- (a) melalui penama;
- (b) dalam kewajipan fidusiari; atau
- (c) menurut peruntukan pegangan debentur, persuratan amanah untuk mendapatkan debentur atau aktiviti meminjam wang.

24. Berkaitan dengan perenggan 19, jika suatu syarikat dikawal oleh dua atau lebih syarikat, syarikat itu (syarikat kedua yang disebut) hendaklah dianggap sebagai dikawal oleh syarikat pertama itu yang mempunyai kuasa pelaksanaan untuk melantik atau memecat kesemua atau majoriti pengarah dalam lembaga pengarah dalam syarikat kedua.

Contoh 1


PP Sdn Bhd adalah syarikat perunding dan mempunyai kawalan langsung (memegang 90% saham) kepada QQ Sdn Bhd. QQ Sdn Bhd menyediakan perkhidmatan seni bina kepada PP Sdn Bhd. Perkhidmatan yang diberikan kepada PP Sdn Bhd tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana perkhidmatan tersebut diberikan kepada syarikat dalam kumpulan syarikat yang sama.

Contoh 2

Syarikat Kumpulan JSK memberikan perkhidmatan pembersihan kepada anak syarikatnya (lebih daripada 50% pegangan saham). Penyediaan perkhidmatan pembersihan yang diberikan kepada anak syarikatnya (dalam kumpulan syarikat yang sama) adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana perkhidmatan yang disediakan bukan perkhidmatan di bawah Kumpulan G (a, b, c, d, e, f, g, h, i atau l) Jadual Pertama, PCP 2018.


25. Bagi tempoh 1 September 2018 sehingga 31 Disember 2019, jika perkhidmatan bercukai yang sama diberikan kepada **mana-mana orang di luar kumpulan syarikat** (selepas ini dirujuk sebagai **pihak ketiga**), **pelepasan kumpulan** tidak lagi terpakai dan perkhidmatan bercukai berkenaan yang diberikan kepada ahli kumpulan menjadi suatu perkhidmatan yang dikenakan cukai (lihat **ilustrasi 1**).

Ilustrasi 1: Tiada Pelepasan Kumpulan Apabila Perkhidmatan Diberi Kepada Pihak Ketiga



26. Berkuatkuasa mulai 1 Januari 2020, kemudahan **pelepasan kumpulan** adalah layak dinikmati walaupun perkhidmatan bercukai yang sama diberikan kepada pihak ketiga, dengan syarat jumlah nilai perkhidmatan bercukai kepada pihak ketiga dalam tempoh dua belas (12) bulan tidak melebihi suatu jumlah bersamaan dengan nilai lima peratus (5%) daripada jumlah nilai perkhidmatan bercukai yang sama (lihat **ilustrasi 2**). Perenggan 8(1) dan 8(2) , Jadual Pertama, PCP 2018 adalah berkaitan.

Ilustrasi 2 : Layanan Cukai Pelepasan Kumpulan



Dengan syarat:

$v(h)M \leq 5\% V(h)$ dalam tempoh dua belas (12) bulan

27. Kaedah pengiraan tempoh dua belas (12) bulan adalah berdasarkan kepada kaedah ke hadapan (*future*), iaitu pada bulan itu dan sebelas bulan ke hadapan selepas bulan itu. Pengiraan nilai perkhidmatan lima peratus (5%) hendaklah mengambilkira jumlah nilai perkhidmatan yang sama yang diberikan kepada pihak ketiga berbanding dengan jumlah keseluruhan nilai perkhidmatan sama yang diberikan.

28. Perkhidmatan yang layak bagi tujuan **pelepasan kumpulan** adalah perkhidmatan di butiran (a), (b), (c), (d), (e), (f), (g), (h), (i) atau (l), ruang (2), Kumpulan G, Jadual Pertama, PCP 2018. Perkhidmatan di butiran (j) dan (k) adalah tidak layak untuk kemudahan **pelepasan kumpulan**. Bagi maksud butiran (i) kumpulan G, perkhidmatan yang sama merujuk kepada sub-butiran (i) hingga (x).

29. Mulai 1 September 2019, perkhidmatan bercukai diimport di bawah butiran a, b, c, d, e, f, g, h, i atau l dalam Kumpulan G yang diperolehi daripada mana-mana syarikat selain daripada orang berdaftar asing dalam kumpulan syarikat yang sama di

luar Malaysia diberi pelepasan kumpulan dan tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan tanpa mengambil kira perkhidmatan yang sama diberi kepada mana-mana orang di luar kumpulan dalam Malaysia. Perkhidmatan bercukai diimport yang melibatkan kumpulan syarikat yang sama untuk tempoh 1 Januari 2019 hingga 31 Ogos 2019 adalah diberi pengecualian oleh Menteri Kewangan. Untuk maklumat lanjut sila rujuk Panduan Perkhidmatan Bercukai Diimport.

Cukai Perkhidmatan Genap Masa

30. Cukai perkhidmatan yang dikenakan menjadi genap masa pada masa pembayaran diterima. Sekiranya bayaran tidak diterima dalam tempoh 12 bulan dari tarikh perkhidmatan diberikan, cukai perkhidmatan hendaklah genap masa pada hari selepas tempoh 12 bulan tersebut.

31. Orang berdaftar boleh memohon kelulusan secara bertulis kepada Ketua Pengarah untuk menggunakan asas invois bagi penentuan cukai genap masa berkenaan dengan perkhidmatan bercukai yang diberikan.

32. Orang kena cukai hendaklah mengakaunkan cukai perkhidmatan secara konsisten mengikut asas perakaunan yang dipilih sama ada asas bayaran (*payment basis*) atau invois dikeluarkan (*accrual basis*) sahaja.

33. Perkhidmatan yang disediakan sebelum tarikh kuat kuasa (1 September 2018) tetapi invois dikeluarkan atau bayaran diterima selepas tarikh kuat kuasa, perkhidmatan tersebut adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

34. Penerimaan bayaran deposit adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan jika pembayaran tersebut menjadi sebahagian daripada bayaran ke atas perkhidmatan bercukai.

Contoh 3

Syarikat Naz Megah Sdn Bhd telah melantik Syarikat Gergaji Enterprise untuk membersihkan tanah lapang miliknya bagi menjalankan pembinaan bangunan komersial. Syarikat Gergaji Enterprise telah meminta bayaran deposit sebelum

memulakan perkhidmatan dan baki bayaran dibuat setelah kerja-kerja pembersihan siap.

Bayaran deposit ini adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana bayaran tersebut adalah merupakan sebahagian daripada nilai perkhidmatan yang diberikan.

35. Walau bagaimanapun, pembayaran deposit adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan jika bayaran tersebut bukan merupakan sebahagian daripada nilai perkhidmatan bercukai.

Contoh 4

Xedil telah membuat tempahan bilik hotel dan membayar harga penuh melalui platform atas talian Agola.Com. Lima hari kemudian, Xedil dan keluarganya telah mendaftar masuk di hotel berkenaan dan diminta untuk membayar deposit sebanyak RM200. Bayaran tersebut akan dipulangkan semula kepada mereka selepas proses mendaftar keluar hotel selesai. Bayaran deposit tersebut adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana bayaran tersebut adalah berfungsi-sebagai cagaran sahaja.

36. Bagi perkhidmatan bercukai diimport, cukai perkhidmatan adalah genap masa apabila pembayaran dibuat atau invois diterima daripada pihak pembekal bagi perkhidmatan itu, mana-mana yang lebih awal. Invois dianggap diterima apabila telah direkod oleh bahagian kewangan syarikat yang bertanggungjawab untuk membuat bayaran.

37. Orang kena cukai yang berhenti daripada menyediakan perkhidmatan bercukai atau tidak lagi bertanggung untuk berdaftar, cukai perkhidmatan adalah genap masa pada hari penyata akhir dikehendaki dikemukakan dan hendaklah mengakaun semua bayaran yang masih belum diterima berkenaan dengan perkhidmatan bercukai yang telah diberikan sebelum penamatan pendaftarannya.

38. Cukai perkhidmatan berkenaan dengan pertaruhan dan perjudian yang ditetapkan sebagai perkhidmatan bercukai hendaklah menjadi genap masa seperti

yang ditetapkan dan boleh merujuk panduan di bawah **Panduan Pertaruhan dan Perjudian**.

39. Jika perjanjian pemberian perkhidmatan bercukai itu dilakukan dalam tempoh dari 1 Jun 2018 hingga 31 Ogos 2018 dan perkhidmatan diberikan pada atau selepas 1 September 2018, cukai menjadi genap masa pada tarikh perkhidmatan bercukai itu diberikan tanpa mengambil kira bila pembayaran telah diterima atau invois telah dikeluarkan.

PENDAFTARAN

Penentuan / Pengiraan Nilai Perkhidmatan

40. Jumlah nilai perkhidmatan bercukai untuk tujuan pendaftaran adalah seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama, PCP 2018.

41. Penentuan jumlah nilai perkhidmatan bercukai merujuk kepada perolehan jumlah nilai perkhidmatan bercukai bagi **suatu tempoh 12 bulan atau kurang**. Jumlah nilai perkhidmatan bercukai adalah tidak termasuk amaun cukai perkhidmatan.

42. Terdapat 2 kaedah yang boleh digunakan untuk mengira perolehan jumlah nilai perkhidmatan bercukai iaitu:

(a) Kaedah ke belakang (*historical*)

Kaedah ke belakang adalah berdasarkan kepada nilai perkhidmatan bercukai bagi mana-mana bulan dicampur dengan nilai perkhidmatan bercukai bagi 11 bulan ke belakang sebaik sebelum bulan itu.

(b) Kaedah ke hadapan (*future*)

Kaedah ke hadapan adalah berdasarkan kepada nilai perkhidmatan bercukai bagi mana-mana bulan dicampur dengan nilai perkhidmatan bercukai bagi 11 bulan ke hadapan sebaik selepas bulan itu.

43. Mana-mana orang boleh memohon untuk berdaftar secara sukarela walaupun jumlah nilai perkhidmatan bercukai tidak mencapai nilai ambang yang ditetapkan.

44. Apabila didaftarkan, orang kena cukai akan kekal berdaftar melainkan pendaftaran entiti tersebut dibatalkan. Jika perolehan jualan tahunan perkhidmatan bercukai kurang daripada nilai ambang, permohonan bertulis untuk pembatalan pendaftaran cukai perkhidmatan boleh dikemukakan kepada JKDM untuk kelulusan. Namun begitu, selepas pembatalan pendaftaran orang kena cukai perlu memohon pendaftaran semula jika nilai perkhidmatan bercukai mencapai nilai ambang.

45. Bagi tujuan menentukan nilai ambang, perolehan jualan tahunan bagi perkhidmatan yang dikenakan cukai dianggap berasingan untuk setiap entiti yang diwujudkan secara sah. Entiti boleh menyediakan perkhidmatan bercukai di lebih daripada satu premis, seperti membuka cawangan. Nilai ambang akan ditentukan dengan mengambil kira jumlah nilai bagi perkhidmatan bercukai keseluruhan entiti dan bukan jumlah nilai tahunan setiap cawangan masing-masing.

46. Penentuan jumlah nilai perkhidmatan bercukai di bawah Kumpulan A, B, C, D, E, F dan I hendaklah dikira mengikut kumpulan masing-masing. Bagi perkhidmatan bercukai di bawah Kumpulan G, penentuan jumlah nilai perkhidmatan bercukai boleh berlaku dalam 2 keadaan iaitu:

- (a) Secara tunggal; atau
- (b) Secara gabungan sekiranya terdapat dua atau lebih perkhidmatan bercukai

Contoh 5

Aneen & Ajeem Sdn Bhd (AA) adalah satu syarikat yang menyediakan perkhidmatan konsultasi kejuruteraan sebagai aktiviti utama syarikat. Pendapatan tahunan bagi perkhidmatan tersebut ialah RM400,000. Syarikat AA juga ada memberikan perkhidmatan latihan bagi pelanggan yang memerlukan atau di atas permintaan pelanggan.

Pendapatan tahunan bagi perkhidmatan latihan adalah sebanyak RM250,000.

Nilai perkhidmatan konsultasi kejuruteraan dan perkhidmatan latihan perlu di kira secara bersekali/bergabung bagi tujuan pengiraan nilai ambang iaitu nilai perolehan tahunan syarikat AA adalah sebanyak RM650,000 (RM400,000 + RM250,000). Oleh itu, syarikat AA bertanggung untuk berdaftar di bawah ACP 2018 kerana kedua-dua perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat AA adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan di bawah kumpulan G, Jadual Pertama PCP 2018.

Liabiliti Untuk Didaftarkan

47. Mana-mana orang yang memberikan perkhidmatan bercukai dan jumlah nilai perkhidmatan bercukai melebihi nilai ambang yang ditetapkan adalah bertanggung untuk berdaftar pada masa yang berikut, mana-mana yang lebih awal:

- (a) Pada akhir mana-mana bulan di mana jumlah nilai semua perkhidmatan bercukainya pada bulan itu dan sebelas bulan sebaik sebelum bulan itu telah melebihi amaun nilai yang ditetapkan; atau
- (b) Pada akhir mana-mana bulan di mana jumlah nilai semua perkhidmatan bercukainya pada bulan itu dan sebelas bulan sebaik selepas bulan itu akan melebihi nilai yang ditetapkan.

Permohonan Pendaftaran


48. Mana-mana orang yang bertanggung untuk berdaftar hendaklah memohon untuk berdaftar di bawah seksyen 13(1), ACP 2018.

49. Permohonan untuk pendaftaran hendaklah dibuat dengan menggunakan borang SST-01 secara dalam talian melalui Portal MySST <https://mysst.customs.gov.my>

50. Permohonan hendaklah dibuat tidak lewat daripada hari terakhir bulan berikutnya selepas akhir bulan orang itu bertanggung untuk berdaftar.


Contoh 6

Encik Fezrul telah membuka sebuah restoran setelah beliau berpencen. Restoran tersebut menyediakan pelbagai jenis pizza dan diberi nama Restoran Fave Pizza. Restoran ini mula beroperasi pada 2 Julai 2019. Setelah 3 bulan beroperasi iaitu pada 5 Oktober 2019, nilai jualan restoran tersebut telah melebihi RM1.5 juta. Oleh itu, Restoran Fave Pizza telah bertanggung untuk berdaftar di bawah ACP 2018.



Contoh 7


Noyah mempunyai sebuah syarikat agensi kawalan keselamatan iaitu Kawal Security Sdn. Bhd. Pada 14 December 2018, syarikat mendapat kontrak yang telah dipersetujui dan ditandatangani oleh pelanggan berjumlah RM1.2 juta untuk membekalkan 25 orang pegawai keselamatan selama setahun. Dalam hal ini, syarikat telah mencapai nilai ambang untuk berdaftar sebagai orang kena cukai.



51. Tarikh mula berkuat kuasa pendaftaran hendaklah pada hari pertama bulan berikutnya selepas permohonan pendaftaran dibuat atau mana-mana tarikh yang lebih awal yang dipersetujui oleh Ketua Pengarah tetapi tidak lebih awal daripada tarikh dia bertanggung untuk didaftarkan.

Contoh 8

Pada 10 Mac 2020, firma perakaunan Natalie & Co telah mencapai pendapatan tahunan melebihi RM500,000 dan wajib mendaftar sebagai orang berdaftar cukai perkhidmatan. Natalie & Co telah mengemukakan permohonan secara atas talian pada 5 April 2020 dan permohonan telah diluluskan pada 10 April 2020. Tarikh kuatkuasa pendaftaran atau tarikh pengenaan cukai perkhidmatan adalah mulai 1 Mei 2020.



52. Pendaftaran semasa tempoh peralihan daripada sistem percukaian yang terdahulu kepada cukai perkhidmatan akan diterangkan secara terperinci di bawah tajuk **Peruntukan Peralihan**.

Pendaftaran Sukarela

53. Mana-mana orang yang tidak bertanggung untuk berdaftar di bawah seksyen 13, ACP 2018 boleh memohon berdaftar secara sukarela seperti yang diperuntukan di bawah seksyen 14, ACP 2018. Ketua Pengarah boleh mendaftarkan orang tersebut jika berpuas hati bahawa orang tersebut menyediakan perkhidmatan bercukai tetapi belum mencapai nilai perkhidmatan bercukai yang ditetapkan.

54. Tarikh mula berkuat kuasa pendaftaran sukarela adalah pada hari pertama bulan berikutnya selepas permohonan pendaftaran dibuat atau mana-mana tarikh yang lebih awal yang dipersetujui oleh Ketua Pengarah.

55. Mana-mana orang yang telah mendaftar secara sukarela adalah bertanggungjawab untuk mematuhi semua peruntukan perundangan di bawah ACP 2018.

Arahan Untuk Menganggap Orang Sebagai Orang Kena Cukai Tunggal

56. Selaras di bawah peruntukan seksyen 15, ACP 2018 Ketua Pengarah boleh membuat arahan untuk menganggap orang itu sebagai orang kena cukai tunggal jika berpuas hati bahawa pengasingan aktiviti perniagaan adalah dibuat-buat.

Contoh 9

Neen telah menubuhkan dua buah syarikat yang didaftarkan dengan nama Neen Food Catering (NFC) dan Neen Food Restaurant (NFR). Aktiviti perniagaan NFC adalah katering makanan. Manakala NFR adalah sebuah restoran. Kedua-dua syarikat beroperasi di premis yang sama. Hasil verifikasi mendapati Neen sengaja menubuhkan dua syarikat untuk mengurangkan jumlah jualan tahunan supaya tidak mencapai nilai ambang yang ditetapkan. Oleh itu, NFC dan NFR boleh dianggap sebagai orang kena cukai tunggal.

57. Ketua Pengarah setelah berpuas hati, boleh membuat arahan dengan menamakan mana-mana orang jika apa-apa pengasingan aktiviti perniagaan adalah dibuat-buat bahawa:

- (i) orang itu menyediakan atau telah menyediakan perkhidmatan bercukai;
- (ii) penyediaan perkhidmatan bercukai hanya sebahagian daripada aktiviti perniagaan tertentu dan bahawa aktiviti lain dalam perniagaan sedang dijalankan secara serentak atau sebelumnya, atau keduanya, oleh satu atau lebih orang lain; dan
- (iii) bahawa jika semua perkhidmatan bercukai yang diperuntukkan dalam perniagaan itu dipertimbangkan, orang yang menjalankan perniagaan itu pada masa arahan itu, dikehendaki didaftarkan di bawah ACP 2018.

58. Dalam menentukan sama ada apa-apa pengasingan aktiviti perniagaan adalah dibuat-buat, faktor-faktor tertentu akan diambilkira setakat mana orang yang berlainan yang menjalankan aktiviti perniagaan itu berkait rapat antara satu sama lain melalui hubungan kewangan, ekonomi dan organisasi.

59. Bagi tujuan perenggan 53 hingga 54, suatu notis bertulis akan disampaikan kepada setiap orang yang dinamakan tersebut.

60. Orang kena cukai tunggal hendaklah didaftarkan dalam tempoh 14 hari dari tarikh penyerahan arahan itu.

Pendaftaran Perkongsian

61. Pendaftaran perkongsian untuk tujuan perniagaan hendaklah atas nama firma berkenaan.

62. Perkongsian aktiviti perniagaan berasingan oleh orang yang sama untuk perniagaan yang berlainan hendaklah didaftarkan atas nama firma masing-masing.

Contoh 10

Joo Nae Bae dan Marsha telah menubuhkan dua buah syarikat perkongsian. Syarikat pertama, memberi perkhidmatan teknologi maklumat iaitu Baem Technology Partners. Manakala syarikat kedua Joo-Sha Engineers menyediakan perkhidmatan khidmat nasihat berkaitan kerja-kerja kejuruteraan. Oleh kerana kedua-dua syarikat menjalankan dua aktiviti perniagaan yang berlainan, setiap syarikat perlu berdaftar sebagai orang kena cukai secara berasingan walaupun syarikat mempunyai dua rakan kongsi yang sama.

Pendaftaran Cawangan atau Bahagian

63. Bagi mana-mana orang yang telah berdaftar dan ingin mendaftarkan cawangan atau bahagian secara berasingan, permohonan bagi pendaftaran yang berkenaan hendaklah dikemukakan atas nama cawangan atau bahagian kepada Ketua Pengarah dalam borang SST-01 secara atas talian melalui portal MySST. Pendaftaran cawangan atau bahagian boleh dipertimbangkan jika:

- (i) Sukar untuk mengemukakan penyata tunggal untuk semua cawangan atau bahagian;
- (ii) Setiap cawangan atau bahagian menyenggara akaun berasingan;
- (iii) Cawangan atau bahagian sedemikian boleh dikenalpasti secara berasingan dengan merujuk kepada sifat perniagaan atau lokasinya; dan

- (iv) Setiap cawangan atau bahagian berdaftar berasingan mempunyai tempoh bercukai yang sama.

Mengemaskini Maklumat Pendaftaran

64. Orang berdaftar sekiranya tidak lagi menjalankan mana-mana perkhidmatan bercukai yang didaftarkan hendaklah memberitahu kepada Ketua Pengarah secara bertulis berkenaan sebarang perubahan ke atas perkhidmatan bercukai samada terdapat penambahan atau pemberhentian ke atas perkhidmatan bercukai yang disediakan.

65. Ketua Pengarah setelah berpuas hati dengan maklumat yang diberikan, boleh mengubah maklumat pendaftaran atau butiran orang berdaftar tersebut mulai tarikh perubahan maklumat orang berdaftar itu.

66. Jika orang berdaftar tidak memaklumkan perubahan maklumat pendaftaran, Ketua Pengarah boleh mengubah maklumat pendaftaran atau butiran orang berdaftar tersebut mulai tarikh perubahan maklumat orang berdaftar itu atau tarikh pemberhentian penyediaan perkhidmatan bercukai.

Pemberhentian Tanggungan untuk Berdaftar

67. Orang berdaftar terhenti daripada tanggungan untuk berdaftar jika: -

- (i) beliau berhenti menjalankan perniagaan yang menyediakan perkhidmatan bercukai; atau
- (ii) jumlah nilai perkhidmatan bercukai pada bulan itu dan sebelas bulan sebaik sebelum bulan itu (*historical method*) tidak melebihi nilai perkhidmatan bercukai yang ditetapkan.

68. Orang berdaftar hendaklah memberitahu Ketua Pengarah secara bertulis mengenai pemberhentian tanggungan termasuk tarikh pemberhentian dalam tempoh 30 hari dari tarikh pemberhentian.

Pembatalan Pendaftaran

69. Ketua Pengarah boleh membatalkan pendaftaran orang berdaftar jika berpuas hati bahawa orang berdaftar:

- (i) tidak lagi bertanggung untuk berdaftar di bawah seksyen 12, ACP 2018 atau telah berhenti memberikan perkhidmatan bercukai;
- (ii) tidak lagi memberikan perkhidmatan bercukai atau telah berhenti memberikan perkhidmatan bercukai pada tarikh pendaftaran yang dikeluarkan selepas permohonan untuk pendaftaran sukarela berkuat kuasa di bawah seksyen 14, ACP 2018; atau
- (iii) melanggar apa-apa syarat yang dikenakan berhubung pendaftaran.

70. Ketua Pengarah hendaklah memberi notis pembatalan kepada orang berdaftar dengan menyatakan tarikh kuat kuasa pembatalan pendaftaran.

PERAKAUNAN UNTUK CUKAI PERKHIDMATAN

Nilai Perkhidmatan Bercukai

71. Cukai perkhidmatan ditentukan berdasarkan nilai sebenar perkhidmatan bercukai yang disediakan.

72. Nilai yang dikenakan cukai perkhidmatan hendaklah ditentukan seperti berikut:

- (a) Perkhidmatan bercukai bagi penjualan barangan:
 - (i) kepada penerima perkhidmatan yang tidak berkaitan dengan orang yang kena membayar cukai, nilai untuk mengenakan cukai perkhidmatan hendaklah ditentukan berdasarkan harga sebenar barang itu dijual; atau
 - (ii) kepada penerima perkhidmatan yang berkaitan dengan orang yang kena membayar cukai atau jika tiada caj dikenakan bagi

penyediaan barang, nilai untuk mengenakan cukai perkhidmatan hendaklah ditentukan berdasarkan harga barang yang dijual dalam perjalanan perniagaan biasa kepada orang yang tidak berkaitan dengan orang kena cukai.

- (b) Selain daripada perkhidmatan bercukai yang dinyatakan di perenggan (a), asas penilaian yang digunakan adalah :
- (i) kepada penerima perkhidmatan itu tidak berkaitan dengan orang yang kena membayar cukai, nilai untuk mengenakan cukai perkhidmatan hendaklah ditentukan berdasarkan harga sebenar yang mana perkhidmatan boleh dikenakan cukai atau premium sebenar atau sumbangan yang dibayar untuk perlindungan insurans;
 - (ii) kepada penerima perkhidmatan itu berkaitan dengan orang yang kena membayar cukai atau di mana perkhidmatan yang diberikan secara percuma, nilai untuk mengenakan cukai perkhidmatan akan ditentukan berdasarkan nilai perkhidmatan dalam perjalanan biasa perniagaan kepada orang yang tidak berkaitan dengan orang kena cukai.

73. Bagi perenggan 69 di atas, maksud orang yang berkaitan dengan orang kena cukai itu diperuntukkan dalam Peraturan 4, PCP 2018.

Invois

74. Setiap orang berdaftar dikehendaki di bawah seksyen 21, ACP 2018 untuk mengeluarkan invois kepada pelanggan ke atas penyediaan perkhidmatan bercukai. Invois hendaklah dikeluarkan dalam masa satu (1) tahun daripada tarikh perkhidmatan bercukai yang diberikan atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah. Walau bagaimanapun, tertakluk kepada situasi tertentu, orang berdaftar boleh memohon kepada Ketua Pengarah untuk tidak mengeluarkan invois.

Contoh 11

Jetro Parking Enterprise (JTE) menyediakan perkhidmatan parkir kereta. Pembayaran dilakukan melalui mesin oleh pelanggan. JTE boleh membuat permohonan kepada Ketua pengarah untuk tidak mengeluarkan invois kepada pelanggan.

75. Invois hendaklah mengandungi maklumat berikut:

- (i) nombor siri invois;
- (ii) tarikh invois;
- (iii) nama, alamat dan nombor pendaftaran cukai perkhidmatan orang berdaftar;
- (iv) Perihal yang mencukupi untuk mengenal pasti perkhidmatan bercukai yang disediakan;
- (v) Apa-apa diskaun yang ditawarkan;
- (vi) Jumlah amaun yang kena dibayar tidak termasuk cukai perkhidmatan, kadar cukai perkhidmatan dan jumlah cukai perkhidmatan yang dikenakan ditunjukkan sebagai amaun yang berasingan;
- (vii) Jumlah amaun yang kena dibayar termasuk jumlah cukai yang dikenakan; dan
- (viii) Apa-apa jumlah yang dinyatakan dalam suatu mata wang selain ringgit hendaklah juga dinyatakan dalam ringgit pada kadar pertukaran jualan yang dipakai di Malaysia pada masa bila perkhidmatan bercukai itu diberikan.

76. Jika orang berdaftar memberikan perkhidmatan bercukai kepada pelanggan yang merupakan orang yang dikecualikan daripada pembayaran cukai perkhidmatan di bawah Seksyen 34, ACP 2018 orang berdaftar hendaklah mengeluarkan invoice dengan butiran tambahan kepada butiran di para 72 seperti berikut:

- (i) Nama dan alamat pelanggan itu;
- (ii) Nombor pendaftaran cukai perkhidmatan pelanggan itu (jika berkenaan);
dan
- (iii) Jumlah amaun cukai perkhidmatan yang dikecualikan pelanggan itu.

77. Ketua Pengarah boleh meluluskan permohonan orang berdaftar yang dibuat secara bertulis untuk tidak menyatakan mana-mana butiran di atas dalam suatu invoice yang dikeluarkan oleh orang berdaftar itu.

Contoh 12

Mcboba SFK Sdn. Bhd. (MSSB) merupakan sebuah restoran yang menjalankan perkhidmatan penyediaan makanan segera. MSSB boleh membuat permohonan kepada Ketua Pengarah untuk tidak mengasingkan nilai perkhidmatan dan cukai perkhidmatan di dalam invoice atas alasan yang munasabah.

78. Invoice yang dikenakan cukai perkhidmatan tidak boleh dikeluarkan:

- (a) oleh orang tidak berdaftar;
- (b) ke atas perkhidmatan yang tidak bercukai

79. Jika terdapat kesilapan pada invoice yang melibatkan tanggungan cukai, orang berdaftar hendaklah membuat pelarasan ke atas kesilapan tersebut sama ada mengurangkan atau menambah nilai dengan mengeluarkan nota kredit atau nota debit yang merujuk kepada invoice berkenaan.

Pengeluaran Invois oleh Komputer

80. Orang berdaftar boleh mengeluarkan invois secara elektronik kepada pelanggan selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 22, ACP 2018. Orang berdaftar dianggap telah mengeluarkan invois walaupun tidak ada penyerahan apa-apa dokumen secara fizikal kepada pelanggan jika semua butiran invois yang ditetapkan di bawah peraturan 10, PCP 2018 telah direkodkan di dalam komputer. Invois secara elektronik ini perlu dihantar kepada pelanggan atau pelanggan boleh mengakses secara elektronik.

Nota Kredit Dan Nota Debit

81. Nota kredit dikeluarkan apabila nilai invois sesuatu transaksi dikurangkan atau transaksi dibatalkan. Nota debit dikeluarkan apabila nilai invois sesuatu transaksi ditambah untuk transaksi yang sama.

82. Jika cukai perkhidmatan telah diakaunkan tetapi berlaku pengurangan atau penambahan amaun cukai perkhidmatan selepas sesuatu transaksi, di bawah peruntukan seksyen 23, ACP 2018, orang berdaftar hendaklah mengeluarkan nota kredit dan nota debit untuk membuat pelarasan cukai perkhidmatan. Pengurangan atau penambahan kepada amaun cukai perkhidmatan adalah disebabkan oleh:-

- (i) terdapat perubahan pada kadar cukai yang berkuat kuasa di bawah seksyen 10, ACP 2018; atau
- (ii) apa-apa pelarasan dalam perjalanan perniagaan.

83. Jika terdapat pengurangan atau penambahan kepada amaun cukai perkhidmatan di bawah perenggan 78:

- (a) Orang yang memberikan perkhidmatan bercukai hendaklah membuat pelarasan sama ada pengurangan atau penambahan cukai perkhidmatan dalam penyata bagi tempoh bercukai yang nota kredit atau nota debit berkenaan itu dikeluarkan atau diterima; atau

- (b) Dalam hal orang yang telah berhenti menjadi orang kena cukai, orang itu hendaklah membuat pelarasan sama ada pengurangan atau penambahan cukai perkhidmatan dalam penyata bagi tempoh bercukai terakhir tersebut orang itu berdaftar.

84. Nota kredit dan nota debit hendaklah mengandungi butir-butir yang ditetapkan seperti berikut:

- (i) perkataan “nota kredit” atau “nota debit” tertera dengan jelas;
- (ii) nombor siri dan tarikh dikeluarkan;
- (iii) nama, alamat dan nombor pendaftaran cukai perkhidmatan orang berdaftar;
- (iv) sebab nota kredit atau nota debit dikeluarkan;
- (v) suatu perihalan yang mencukupi untuk mengenal pasti perkhidmatan bercukai;
- (vi) kuantiti dan amaun bagi setiap perkhidmatan bercukai;
- (vii) jumlah amaun tidak termasuk cukai perkhidmatan;
- (viii) kadar dan amaun cukai perkhidmatan; dan
- (ix) nombor dan tarikh invois yang telah dikeluarkan bagi perkhidmatan bercukai yang berkaitan.

85. Ketua Pengarah boleh tidak membenarkan apa-apa potongan jika nota kredit yang dikemukakan didapati tidak benar atau tidak betul.

86. Jika pengurangan cukai perkhidmatan bagi mana-mana tempoh bercukai melebihi amaun cukai perkhidmatan yang kena dibayar oleh orang kena cukai, bakinya tersebut hendaklah dibawa ke hadapan kepada tempoh bercukai yang akan datang dan tempoh bercukai seterusnya sehingga keseluruhan baki telah dipotong.

87. Ketua Pengarah atas permohonan secara bertulis oleh mana-mana orang berdaftar boleh membenarkan apa-apa butiran yang dinyatakan di perenggan 81 tidak dinyatakan dalam nota kredit atau nota debit yang dikeluarkan oleh orang berdaftar itu.

Kewajipan Untuk Menyimpan Rekod

88. Orang kena cukai atau orang selain orang kena cukai bertanggungjawab untuk menyimpan rekod dan dokumen yang lengkap, benar dan kemaskini dalam bahasa kebangsaan atau bahasa inggeris. Rekod dan dokumen hendaklah disimpan selama tujuh (7) tahun dari tarikh rekod dan dokumen itu dikeluarkan bagi semua transaksi berkaitan dengan cukai perkhidmatan.

89. Rekod dan dokumen mesti disimpan di Malaysia. Jika disimpan di luar Malaysia, kelulusan Ketua Pengarah perlu diperolehi.

90. Rekod dan dokumen yang perlu disimpan adalah: -

- (i) Semua rekod perkhidmatan bercukai termasuk invois, resit, nota debit dan nota kredit;
- (ii) Semua rekod perkhidmatan bercukai diimport; dan
- (iii) Apa-apa dokumen atau rekod lain yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

91. Jika rekod atau dokumen itu dalam bentuk elektronik, rekod itu hendaklah disimpan mengikut apa-apa cara yang membolehkan rekod itu mudah diakses dan diubah dalam bentuk tulisan.

92. Jika rekod atau dokumen disimpan dalam bentuk manual tetapi selepas itu ditukar kepada bentuk elektronik, rekod atau dokumen tersebut hendaklah dikekalkan dalam bentuk asal sebelum penukaran.

93. Mana-mana orang yang gagal menyimpan rekod atau dokumen mengikut keperluan yang dinyatakan di atas adalah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 24, ACP 2018 dan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi tempoh tiga tahun atau kedua-duanya.

PENGEMUKAAN PENYATA CUKAI PERKHIDMATAN

Tempoh Bercukai

94. Orang kena cukai yang diluluskan pendaftarannya akan diperuntukkan dengan suatu tempoh bercukai bagi mengemukakan penyata dan pembayaran cukai. Tempoh bercukai pertama bagi setiap orang kena cukai hendaklah bermula dari tarikh dia sepatutnya didaftarkan di bawah seksyen 13, ACP 2018 dan berakhir pada hari terakhir bulan berikutnya. Tempoh bercukai berikutnya ialah tempoh dua bulan yang berakhir pada hari terakhir mana-mana bulan dalam mana-mana tahun kalendar.

95. Mana-mana pendaftaran dibuat sebelum tarikh perlaksanaan dan tarikh kuatkuasa pendaftaran adalah pada 1 September 2018, tempoh bercukai adalah seperti berikut:

Penyerahan Penyata	Tempoh Bercukai
Tempoh bercukai pertama (Dua bulan pertama)	Sept – Okt 2018
Tempoh bercukai seterusnya	Nov-Dis, Jan-Feb, Mac-Apr, Mei-Jun, Jul-Ogos, Sept-Okt

96. Orang kena cukai boleh memohon secara bertulis kepada Ketua Pengarah untuk mengubah tempoh bercukai selain daripada yang telah ditetapkan. Ketua Pengarah boleh:

- Meluluskan permohonan tersebut dan tempoh bercukai akan menjadi seperti yang dipohon; atau
- Menolak permohonan tersebut dan tempoh bercukai akan kekal seperti yang telah ditetapkan; atau
- Mengubah tempoh bercukai atau tarikh tempoh bercukai itu bermula dan berakhir.

Pengemukakan penyata SST-02

97. Orang kena cukai hendaklah mengemukakan penyata cukai perkhidmatan dalam Borang SST-02 mengikut tempoh bercukai yang telah ditetapkan. Penyata hendaklah dikemukakan tidak lewat daripada hari terakhir bulan selepas berakhirnya tempoh bercukai.

98. Orang kena cukai hendaklah mengakaunkan cukai perkhidmatan yang genap masa mengikut tempoh bercukai yang ditetapkan.

99. Penyata cukai perkhidmatan hendaklah dikemukakan sama ada terdapat cukai perkhidmatan yang perlu dibayar atau tidak.

100. Pengemukakan penyata SST-02 hendaklah dibuat secara perkhidmatan elektronik melalui portal MySST atau apa-apa cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Kastam.

101. Mana-mana orang kena cukai yang terhenti daripada bertanggung untuk berdaftar atau terhenti menyediakan perkhidmatan bercukai hendaklah mengemukakan suatu penyata akhir SST-02 yang mengandungi maklumat yang ditetapkan tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari selepas pemberhentian itu atau apa-apa tarikh terkemudian sebagaimana yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah.

102. Orang kena cukai yang tidak mengemukakan penyata dalam tempoh yang ditetapkan atau mengemukakan penyata yang tidak betul adalah melakukan suatu kesalahan di bawah subseksyen 26(6), ACP 2018 dan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun atau kedua-duanya.

Pengemukakan Perisytiharan SST-02A

103. Orang selain orang kena cukai yang dalam menjalankan perniagaannya memperoleh perkhidmatan bercukai dari penyedia perkhidmatan luar negara hendaklah mengakaunkan cukai perkhidmatan yang diimport dalam Borang SST-02A. Borang SST-02A tersebut hendaklah dikemukakan tidak lewat daripada hari terakhir

bulan selepas berakhirnya bulan yang pembayaran bagi perkhidmatan itu telah dibuat atau invois telah diterima olehnya, yang mana lebih awal.

104. Pengemukakan borang SST-02A hendaklah dibuat secara elektronik melalui portal MySST atau apa-apa cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Kastam.

105. Orang selain orang kena cukai yang tidak mengemukakan perisytiharan dalam tempoh yang ditetapkan atau mengemukakan perisytiharan yang tidak betul adalah melakukan suatu kesalahan di bawah subseksyen 26A (2), ACP 2018 dan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya.

Pembetulan Kesilapan

106. Jika terdapat kesilapan dalam mana-mana penyata atau perisytiharan yang telah dikemukakan, pembetulan tersebut boleh dibuat ke atas Borang SST-02 atau Borang SST-02A yang berkaitan.

Kuasa Untuk Menaksir

107. Ketua Pengarah boleh menaksir jumlah cukai perkhidmatan dan penalti yang kena dibayar daripada;

a) orang kena cukai yang:

- (i) gagal memohon pendaftaran;
- (ii) tidak mengemukakan penyata; atau
- (iii) mengemukakan penyata yang tidak lengkap atau tidak betul untuk sebarang tempoh bercukai.

b) orang selain orang kena cukai yang dalam menjalankan perniagaannya memperoleh apa-apa perkhidmatan bercukai diimport yang:-

- (i) tidak mengemukakan perisytiharan; atau

- (ii) mengemukakan perisytiharan yang tidak lengkap atau tidak betul untuk sebarang tempoh bercukai.

Pembayaran Cukai Perkhidmatan

108. Cukai perkhidmatan hendaklah dibayar kepada Ketua Pengarah mengikut tempoh bercukai yang ditetapkan tidak lewat daripada hari terakhir orang kena cukai atau selain orang kena cukai dikehendaki untuk membuat pembayaran.

109. Pembayaran cukai perkhidmatan berkenaan dengan apa-apa penyata yang dibuat di bawah seksyen 26 dan ACP 2018, seksyen 26A ACP 2018, surcay, penalti, fi atau apa-apa wang lain yang kena dibayar hendaklah dibuat melalui perbankan elektronik atau dalam apa-apa cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

110. Dalam apa-apa cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah, orang kena cukai dan selain orang kena cukai boleh membuat pembayaran cek atau bank draf ke Pusat Pemprosesan Kastam.

111. Cukai perkhidmatan, surcay, penalti, fi atau apa-apa wang lain hendaklah disifatkan telah dibayar apabila pembayaran diterima oleh Ketua Pengarah dengan syarat bahawa –

- a) jika pembayaran itu dibuat melalui perbankan elektronik, amaun itu hendaklah disifatkan tidak diterima sehingga amaun tersebut telah dikreditkan kedalam akaun Ketua Pengarah; atau
- b) jika pembayaran itu dibuat dalam apa-apa cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah, amaun itu hendaklah disifatkan tidak diterima walaupun resit telah dikeluarkan sehinggalah amaun tersebut telah dibayar sewajarnya kepada Ketua Pengarah.

Pengenaan Penalti Untuk Pembayaran Lewat

112. Cukai perkhidmatan yang genap masa dibayar tetapi tidak dibayar sebahagian atau sepenuhnya oleh mana-mana orang selepas hari terakhir cukai itu menjadi genap

masa dan kena dibayar dan tiada pendakwaan dimulakan, pengenaan penalti akan dikenakan seperti ketetapan berikut: -

- (i) Bagi tempoh tiga puluh hari yang pertama, penalti sepuluh peratus (10%) daripada jumlah cukai yang masih belum dibayar;
- (ii) Bagi tempoh tiga puluh hari kedua penalti tambahan sebanyak lima belas peratus (15%) daripada jumlah cukai yang masih belum dibayar; dan
- (iii) Bagi tempoh tiga puluh hari ketiga, penalti tambahan sebanyak lima belas peratus (15%) daripada jumlah cukai yang masih belum dibayar.

Contoh 14

Tempoh Bercukai	Tarikh Pembayaran	Cukai Perkhidmatan			Kadar Penalti %	Penalti (RM)
		Cukai (RM)	Cukai dibayar (RM)	Baki (RM)		
1.09.2018 – 31.10.2018 Tarikh akhir pembayaran 30.11.2018	30.11.2018	10,000	-	10,000		
	1.12.2018-30.12.2018		5,000	5,000	10% x RM10,000	1,000
	31.12.2018-29.01.2019		3,000	2,000	15% x RM5,000	750
	30.1.2019-28.02.2019		1,000	1,000	15% x RM2,000	300
Jumlah Penalti						2,050
Nota: Penalti dikenakan ke atas baki belum dibayar.						

Potongan Daripada Penyata Bagi Cukai Perkhidmatan Yang Dibayar Balik

113. Ketua Pengarah boleh meluluskan, tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkannya untuk dikenakan, suatu permohonan oleh mana-mana orang berdaftar

untuk memotong, dari masa ke masa daripada penyata, cukai perkhidmatan yang telah dibayar tetapi kemudiannya dibayar balik kepada pelanggannya dengan alasan:

- (i) pembatalan perkhidmatan bercukai;
- (ii) penamatan perkhidmatan bercukai; atau
- (iii) apa-apa sebab lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.

114. Potongan cukai perkhidmatan hendaklah dibuat dalam masa satu tahun selepas pembayaran balik kepada pelanggan dibuat, atau apa-apa tempoh lanjutan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.

115. Kelulusan daripada Ketua Pengarah hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum membuat potongan cukai perkhidmatan melalui penyata SST-02. Sekiranya potongan cukai perkhidmatan melebihi cukai perkhidmatan yang perlu dibayar dalam tempoh bercukai tertentu, baki akan dibawa ke hadapan untuk tempoh bercukai seterusnya.

116. Potongan cukai perkhidmatan dibenarkan apabila cukai perkhidmatan dikembalikan kepada pelanggan disebabkan oleh pembatalan, penamatan atau pengurangan cukai perkhidmatan seperti contoh berikut:

- (i) Penamatan transaksi yang dipersetujui,
- (ii) Pembatalan sesuatu perkhidmatan, atau
- (iii) Pembatalan polisi insurans sebelum tamat tempoh.

MENDAPATKAN BALIK CUKAI PERKHIDMATAN

117. Orang kena cukai bertanggungjawab untuk membayar kepada JKDM jumlah cukai perkhidmatan, penalti, surcay, fi atau wang lain yang kena dibayar. ACP 2018 memperuntukkan kuasa kepada JKDM untuk mendapatkan semula cukai perkhidmatan, penalti, surcay, fi atau wang lain sekiranya gagal dibayar dengan menggunakan kaedah seperti berikut:

(i) Mendapatkan balik cukai perkhidmatan sebagai hutang sivil

Apa-apa cukai perkhidmatan yang terhutang, surcay, penalti, fi atau wang lain, yang kena dibayar boleh didapatkan balik sebagai hutang sivil yang kena dibayar kepada kerajaan.

(ii) Memungut cukai perkhidmatan daripada orang yang terhutang kepada orang kena cukai

Ketua Pengarah boleh mendapatkan cukai perkhidmatan, surcay, penalti, fi atau wang lain yang tidak dibayar oleh orang kena cukai melalui notis secara bertulis kepada orang yang terhutang dengan orang kena cukai seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 29(1) (a)-(d), ACP 2018.

Semua pembayaran yang dibuat menurut notis itu hendaklah disifatkan telah dibuat oleh orang kena cukai atau orang berdaftar asing itu dan dengan kuasa orang yang berkenaan seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 29(3), ACP 2018.

(iii) Mendapatkan cukai perkhidmatan sebelum kena dibayar daripada orang yang hendak meninggalkan Malaysia

Ketua Pengarah boleh menghendaki cukai perkhidmatan dibayar pada tarikh yang lebih awal jika beliau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa seseorang orang kena cukai hendak meninggalkan Malaysia sebelum cukai perkhidmatan itu dibayar. Dalam kes ini, orang kena cukai akan dimaklumkan dengan sewajarnya.

(iv) Mendapatkan cukai perkhidmatan daripada orang yang meninggalkan Malaysia

Seseorang yang akan meninggalkan Malaysia boleh dihalang daripada meninggalkan Malaysia sehingga dia membayar cukai perkhidmatan, surcay, penalti, fi atau wang lain, atau memberi suatu bentuk jaminan bagi pembayarannya.

(v) Pembayaran secara ansuran

Orang kena cukai boleh memohon kepada Ketua Pengarah untuk membuat pembayaran secara ansuran ke atas cukai perkhidmatan atau penalti yang kena dibayar. Jika cukai perkhidmatan dibenarkan untuk dibayar secara ansuran, penalti hendaklah terhenti dikira dari tarikh Ketua Pengarah meluluskan pembayaran secara ansuran tersebut. Ketua Pengarah akan menetapkan kaedah pembayaran ansuran.

Jika kaedah pembayaran ansuran tidak dipatuhi, kemudahan pembayaran ansuran akan ditarik balik dan terbatal. Orang kena cukai dikehendaki membayar dengan serta-merta keseluruhan baki tertunggak dengan tambahan surcaj sebanyak sepuluh peratus (10%) ke atas keseluruhan baki tertunggak.

(vi) Tanggungan pengarah, dsb.

Mana-mana syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang lain yang terdiri daripada:

- i) pengarah syarikat itu;
- ii) pegawai pematuhan yang dilantik dalam kalangan rakan kongsi perkongsian liabiliti terhad itu;
- iii) rakan kongsi firma;
- iv) pemegang jawatan pertubuhan; atau
- v) orang yang bertanggungjawab bagi pengurusan kumpulan orang itu

adalah bertanggung secara bersama-sama dan berasingan bagi cukai perkhidmatan, surcaj, penalti, fi atau wang lain.

118. Berhubung dengan suatu syarikat yang sedang digulung, pengarah syarikat adalah bertanggung untuk membayar cukai perkhidmatan, surcaj, penalti, fi atau

wang lain yang terhutang dan perlu dibayar oleh pengarah syarikat hanya jika nilai aset syarikat adalah tidak mencukupi untuk menampung jumlah nilai terhutang kepada Ketua Pengarah.

PENGECUALIAN, PEMBAYARAN BALIK DAN REMISI CUKAI PERKHIDMATAN

Kuasa Menteri Untuk Mengecualikan Cukai Perkhidmatan

119. Menteri boleh sama ada melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* atau secara bertulis, dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan patut olehnya mengecualikan mana-mana orang atau golongan orang daripada pembayaran keseluruhan atau mana-mana bahagian cukai perkhidmatan yang boleh dikenakan dan dilevi ke atas perkhidmatan bercukai atau perkhidmatan bercukai diimport.

120. Mana-mana orang yang telah diberikan pengecualian cukai perkhidmatan tetapi gagal mematuhi apa-apa syarat yang ditetapkan berhubung dengan pengecualian itu, cukai perkhidmatan tersebut hendaklah menjadi genap masa dan kena dibayar pada tarikh mana-mana syarat itu tidak dipatuhi.

Pengecualian Daripada Pembayaran Cukai Perkhidmatan

121. Perintah Cukai Perkhidmatan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018, berkuatkuasa 1 Januari 2019, memberikan kemudahan pengecualian kepada penyedia perkhidmatan daripada pembayaran cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan yang diterima olehnya.

122. Orang yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual, Perintah Cukai Perkhidmatan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 dikecualikan daripada pembayaran cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual tertakluk kepada syarat yang dinyatakan dalam ruang (4) Jadual Orang tersebut adalah:

- (a) Penyedia perkhidmatan dalam Kumpulan G, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 kecuali butiran 10 dan 11 iaitu perkhidmatan pekerjaan dan perkhidmatan agensi persendirian.
- (b) Penyedia perkhidmatan pengiklanan dalam Kumpulan I, Butiran 8, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.

123. Pengecualian ini layak digunakan jika memenuhi syarat yang ditetapkan seperti berikut:

- (i) Penerima perkhidmatan adalah orang berdaftar;
- (ii) Penyedia perkhidmatan adalah orang berdaftar;
- (iii) Penerima perkhidmatan menyediakan perkhidmatan yang sama dengan perkhidmatan yang diperolehi; dan
- (iv) Perkhidmatan yang diperolehi tersebut bukan untuk kegunaan sendiri.

124. Bagi maksud tujuan kegunaan sendiri adalah termasuk: -

- (i) kegunaan syarikat;
- (ii) kegunaan pengarah syarikat;
- (iii) kegunaan pekerja syarikat; atau
- (iv) lain-lain kegunaan sendiri yang bukan untuk penjualan semula.

125. Syarikat yang layak menerima pengecualian ini hendaklah memenuhi dua (2) kriteria berikut:

- (i) Orang berdaftar hendaklah mendaftarkan perkhidmatan bercukai tersebut; dan
- (ii) Orang berdaftar menyediakan perkhidmatan bercukai tersebut.

Tuntutan Bayaran Balik Cukai Perkhidmatan Berhubung Hutang Lapuk

126. Bagi tujuan cukai perkhidmatan, hutang lapuk bermaksud amaun belum jelas bagi bayaran berkenaan dengan pemberian perkhidmatan bercukai termasuk cukai perkhidmatan yang terhutang kepada seseorang yang merupakan, atau telah terhenti menjadi orang berdaftar tetapi tidak dibayar kepada, dan tidak boleh didapatkan balik oleh orang itu.

127. Apa-apa tuntutan bagi hutang lapuk boleh dibuat oleh orang berdaftar atau orang yang telah berhenti menjadi orang berdaftar. Pemohon boleh membuat tuntutan kepada Ketua Pengarah untuk mendapatkan balik keseluruhan atau mana-mana bahagian cukai perkhidmatan yang dibayar olehnya berkenaan dengan perkhidmatan yang dikenakan cukai tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:

- (i) Cukai perkhidmatan telah dibayar;
- (ii) Dia tidak menerima apa-apa pembayaran berkenaan dengan pemberian perkhidmatan bercukai daripada penghutang;
- (iii) Usaha munasabah telah dibuat olehnya untuk mendapatkan semula cukai perkhidmatan; dan
- (iv) Keseluruhan atau mana-mana bahagian cukai perkhidmatan yang kena dibayar telah dihapuskan dalam akaunnya sebagai hutang lapuk.

128. Orang yang membuat tuntutan untuk bayaran balik berhak untuk mendapatkan balik semua cukai perkhidmatan yang dibayar jika dia tidak menerima apa-apa pembayaran berkenaan dengan perkhidmatan bercukai.

129. Jika dia telah menerima apa-apa pembayaran berkenaan dengan perkhidmatan bercukai, tuntutan itu boleh dibuat berdasarkan perbezaan antara cukai perkhidmatan yang dibayar dan amaun yang dikira mengikut formula yang berikut:

$$\frac{A \times C}{B}$$

Jika A adalah bayaran yang diterima berkenaan dengan penyediaan perkhidmatan bercukai itu;

B ialah nilai perkhidmatan bercukai itu ditambah dengan cukai perkhidmatan yang kena dibayar atas perkhidmatan bercukai itu; dan

C ialah cukai perkhidmatan yang kena dibayar atas perkhidmatan bercukai itu.

130. Tuntutan berkenaan pembayaran balik cukai perkhidmatan berhubung dengan hutang lapuk boleh dibuat dalam tempoh enam (6) tahun dari tarikh cukai perkhidmatan dibayar.

131. Orang yang layak memohon tuntutan pembayaran balik hutang lapuk hendaklah membuat permohonan dalam Borang JKDM No.2 kepada Ketua Pengarah dan hendaklah dikemukakan kepada Cawangan Perakaunan Hasil mengikut zon / negeri / stesen.

132. Cara menuntut pembayaran balik cukai perkhidmatan berhubung dengan hutang lapuk adalah di bawah peruntukan Peraturan 19(1), PCP 2018.

Contoh 15

AB & BB Partners adalah orang yang berdaftar cukai perkhidmatan. Mereka menyediakan perkhidmatan bercukai kepada pelanggan pada 1 Oktober 2018 di mana jumlah nilai perkhidmatan termasuk cukai perkhidmatan adalah RM53,000 dan invoice telah dikeluarkan pada hari yang sama. AB & BB Partners telah membayar cukai perkhidmatan sebanyak RM3,000 pada 1 Oktober 2019 (selepas 12 bulan dari tarikh invoice dikeluarkan). Pada 15 November 2019, mereka telah menerima bayaran sebanyak RM43,000 dari pelanggan. Walau bagaimanapun, enam bulan kemudian, penghutang telah diisytiharkan bankrap dan tidak dapat membayar baki hutang sebanyak RM10,000. Oleh itu, AB & BB Partners boleh menuntut pembayaran balik bagi hutang lapuk berdasarkan pengiraan seperti berikut: -

$$\begin{aligned} & \frac{\text{RM43,000}}{\text{RM53,000}} \times \text{RM3,000} = \text{RM2,433.96} \\ & = \text{RM3,000} - \text{RM2,433.96} \\ & = \text{RM566.04} \end{aligned}$$

Jumlah cukai perkhidmatan yang akan dibayar balik oleh JKDM ialah **RM566.04**.

133. Ketua Pengarah boleh untuk tidak meluluskan apa-apa pembayaran balik jika:

- (i) Rekod atau mana-mana dokumen yang dikemukakan adalah tidak benar atau tidak betul; atau
- (ii) Atas apa-apa sebab yang lain untuk tujuan perlindungan hasil.

134. Orang yang menuntut pembayaran balik hutang lapuk dikehendaki menyimpan semua rekod dan dokumen yang berkaitan dengan tuntutan untuk tempoh tujuh (7) tahun dari tarikh tuntutan untuk diperiksa oleh pegawai yang hak pada bila-bila masa.

Contoh 16

Orang berdaftar cukai perkhidmatan telah menyediakan perkhidmatan senibina pada 2 September 2018 dan tiada bayaran telah diterima. Penghutangnya telah diisytiharkan bankrap dan orang berdaftar telah menuntut hutang lapuk pada tahun kelima dari tarikh cukai perkhidmatan itu dibayar pada 1 Oktober 2023. Oleh itu, rekod yang berkaitan dengan tuntutan hutang lapuk perlu disimpan untuk tempoh tambahan tujuh (7) tahun sehingga 30 September 2030.

Bayaran Semula Cukai Perkhidmatan Berhubung Dengan Hutang Lapuk

135. Apabila cukai perkhidmatan yang berhubung dengan hutang lapuk telah dikembalikan oleh Ketua Pengarah di bawah Seksyen 35, ACP 2018 dan kemudiannya orang itu menerima apa-apa pembayaran berkenaan dengan penyediaan perkhidmatan bercukai tersebut, orang itu hendaklah membayar semula kepada Ketua Pengarah mengikut formula seperti di perenggan 128.

Contoh 17

AC & GG Associates (AGA) adalah orang kena cukai yang telah diluluskan tuntutan pembayaran balik cukai perkhidmatan berhubung dengan hutang lapuk sebanyak RM3,000. Empat tahun kemudian, penghutangnya telah dibebaskan dari bankrap dan telah membayar balik hutang RM10,000 termasuk cukai perkhidmatan kepada AGA untuk menyelesaikan hutangnya. AGA perlu membayar semula cukai perkhidmatan kepada JKDM mengikut formula seperti berikut: -

$$\frac{RM10,000}{RM53,000} \times RM3,000 = RM566.04$$

*Jumlah cukai perkhidmatan yang perlu dibayar kepada JKDM ialah **RM566.04**.*

136. Cara membuat pembayaran semula cukai perkhidmatan berhubung dengan hutang lapuk adalah di bawah peruntukan Peraturan 20(1), PCP 2018.

Pembayaran Cukai Perkhidmatan, Surcay, Penalti, Fi Atau Wang Lain Yang Terkurang Dibayar Atau Dibayar Balik Secara Silap

137. JKDM boleh menuntut keseluruhan atau sebahagian daripada apa-apa cukai perkhidmatan, surcay, penalti, fi atau wang lain yang kena dibayar di bawah Akta ini yang tidak dibayar oleh mana-mana orang. JKDM juga boleh menuntut keseluruhan atau mana-mana bahagian cukai perkhidmatan, surcay, penalti, fi atau wang lain yang kena dibayar, selepas bayaran dibuat, telah dibayar balik secara silap kepada mana-mana orang.

138. JKDM boleh membuat tuntutan dalam masa enam (6) tahun dari tarikh cukai perkhidmatan, surcay, penalti, fi atau wang lain kena dibayar, atau cukai perkhidmatan, surcay, penalti, fi atau wang lain yang kurang dibayar, atau pembayaran balik dibuat.

Bayaran Balik Cukai Perkhidmatan, Surcaj, Penalti, Fi Atau Wang Lain Terlebih Bayar Atau Dibayar Secara Silap

139. Mana-mana orang yang terlebih bayar atau membayar secara silap apa-apa cukai perkhidmatan, surcaj, penalti, fi atau wang lain, atau berhak mendapat bayaran balik di bawah subseksyen 34(6) atau 40(3), ACP 2018 boleh membuat tuntutan bayaran balik.

140. Kaedah permohonan bagi mana-mana orang berhasrat untuk membuat tuntutan pembayaran balik ada di bawah-peraturan 18(1), (2), (3), PCP 2018.

141. Ketua Pengarah boleh membuat pembayaran balik cukai perkhidmatan, surcaj, penalti, fi atau wang lain yang terlebih bayar atau dibayar secara silap oleh seseorang selepas berpuas hati bahawa orang itu telah membuktikan tuntutan itu dengan sewajarnya.

142. Tuntutan pembayaran balik boleh dibuat dalam tempoh satu (1) tahun dari masa:

- (i) berlakunya pembayaran terlebih itu atau pembayaran yang silap itu; atau
- (ii) berlakunya kelayakan terhadap pembayaran balik di bawah subseksyen 34(6) atau 40(3), ACP 2018.

143. Permohonan pembayaran balik hendaklah dibuat dalam borang JKDM No. 2 kepada Cawangan Perakaunan Hasil di zon / negeri / stesen bersama dokumen sokongan seperti berikut:

- (i) Surat permohonan dari syarikat yang menjelaskan mengenai tuntutan pembayaran balik cukai perkhidmatan, fi, penalti, surcaj dan apa-apa wang lain;
- (ii) Salinan invois dan resit, jika berkenaan;
- (iii) Salinan surat pengecualian, jika berkenaan;
- (iv) Salinan penyata SST-02 atau borang SST-02A, jika berkenaan;

- (v) Penyata tuntutan pembayaran balik; dan
- (vi) Dokumen-dokumen lain yang berkaitan.

144. Walau bagaimanapun, Ketua Pengarah boleh mengurangkan atau tidak meluluskan apa-apa bayaran balik atas dasar bahawa bayaran balik itu secara tidak patut akan memperkayakan pihak yang menuntut.

Pembayaran Balik Melalui Pemotongan Cukai Perkhidmatan (Kaedah *Offset*)

145. Berkuatkuasa 1 Januari 2021, mana-mana orang berdaftar yang telah diberikan kelulusan bayaran balik cukai perkhidmatan oleh Menteri di bawah seksyen 23, perenggan 34(3)(b) dan seksyen 39, ACP 2018 boleh memohon pembayaran balik daripada Ketua Pengarah. Ketua Pengarah boleh mengarahkan orang berdaftar tersebut menggunakan kaedah *offset* untuk membuat penyelarasan ke atas amaun cukai perkhidmatan yang kena dibayar.

146. Di bawah peruntukan seksyen 23, ACP 2018, tiada permohonan perlu dibuat bagi membawa amaun baki pemotongan cukai perkhidmatan kepada tempoh bercukai yang seterusnya, sehingga keseluruhan baki telah dipotong.

147. Walau bagaimanapun, permohonan bagi pembayaran balik cukai perkhidmatan di bawah perenggan 34(3)(b), ACP 2018 adalah memerlukan kelulusan Ketua Pengarah. Sebarang permohonan pembayaran balik cukai perkhidmatan hendaklah dikemukakan ke Cawangan Perakaunan Hasil, Bahagian Perkhidmatan Teknik di stesen mengawal.

148. Manakala, permohonan untuk membuat potongan cukai perkhidmatan di bawah seksyen 39, ACP 2018 hendaklah dikemukakan ke Bahagian CDN di stesen mengawal sebelum membawa amaun baki pemotongan cukai perkhidmatan kepada tempoh bercukai yang seterusnya sehingga keseluruhan baki telah dipotong.

149. Mekanisme tuntutan bayaran balik secara kaedah *offset* adalah dibuat melalui penyata SST-02 di ruang 13(c).

150. Jika terdapat lebih amaun pembayaran balik selepas potongan dibuat, Ketua Pengarah boleh meluluskan amaun tersebut dibayar balik melalui kaedah:

- (i) permohonan JKDM No 2; atau
- (ii) dibawa ke hadapan bagi tempoh bercukai seterusnya.

Peremitan Oleh Menteri

151. Di bawah seksyen 40(1), ACP 2018, Menteri boleh meremit keseluruhan atau mana-mana bahagian cukai perkhidmatan, tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkannya patut dikenakan. Permohonan peremitan kepada Menteri mesti disokong oleh alasan yang kukuh dan berasas.

Peremitan Oleh Ketua Pengarah

152. Di bawah seksyen 40(2), ACP 2018 Ketua Pengarah boleh meremit keseluruhan atau mana-mana bahagian surcaj, penalti, fi dan wang lain. Permohonan peremitan hendaklah dikemukakan kepada zon / negeri / stesen masing-masing. Permohonan peremitan kepada Ketua Pengarah mestilah disokong oleh alasan yang kukuh dan berasas.

153. Dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan untuk permohonan remisi kepada Ketua Pengarah adalah seperti berikut:

- (i) Surat rayuan
- (ii) Bil tuntutan
- (iii) Dokumen-dokumen lain yang berkaitan (jika berkenaan)

MENDAPATKAN PEMOTONGAN CUKAI PERKHIDMATAN SECARA TIDAK WAJAR

154. Berkuatkuasa 1 Januari 2021, selaras dengan seksyen 73A ACP 2018, mana-mana orang yang menyebabkan atau cuba menyebabkan pemotongan cukai

perkhidmatan di bawah subseksyen 23(1), 34A (1) atau 39(2) untuk dirinya atau mana-mana orang lain apa-apa amaun yang melebihi amaun yang sepatutnya dipotong untuk dirinya atau orang lain itu melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan: -

1. Didenda tidak melebihi RM 50,000.00 atau dipenjara tidak melebihi tiga (3) tahun; dan
2. Dikenakan penalti dua (2) kali ganda amaun yang dipotong yang melebihi amaun yang sepatutnya boleh dipotong.

PERUNTUKAN KHAS YANG BERHUBUNGAN KAWASAN YANG DITETAPKAN (KD)

Tafsiran

155. Di bawah Bahagian VIII ACP 2018, tafsiran Malaysia dan kawasan yang ditetapkan, adalah seperti berikut:

- (i) 'Malaysia' tidak termasuk KD dan kawasan khas;
- (ii) 'Kawasan yang ditetapkan' ertinya Labuan, Langkawi, Tioman dan Pangkor;

'Langkawi' ertinya Pulau Langkawi dan semua pulau berdampingan dengannya yang terletak lebih hampir dengan Pulau Langkawi daripada tanah besar.

'Labuan' ertinya Pulau Labuan dan pulau-pulau tanggungannya, iaitu, Rusukan Besar, Rusukan Kecil, Keraman, Burong, Papan dan Daat.

'Tioman' ertinya Pulau Tioman dan pulau-pulau Soyak, Rengis, Tumok, Tulai, Chebeh, Labas, Sepoi dan Jahat.

‘Pangkor’ ertinya Pulau Pangkor, Pulau Mentagor, Pulau Giam, Pulau Simpan, Pulau Tukun Terindak, Pulau Pelanduk, Pulau Anak Pelanduk, Pulau Landak, Batu Orang Tua dan Batu Jambal.

156. Apa-apa penyediaan perkhidmatan bercukai di dalam atau di antara KD tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan melainkan jika Menteri yang menetapkan dalam perintah.

157. Menteri telah menetapkan perkhidmatan berikut tertakluk kepada cukai perkhidmatan: -

- (a) Perkhidmatan pengangkutan penumpang udara;
- (b) Perkhidmatan telekomunikasi;
- (c) Perkhidmatan logistik; dan
- (d) Perkhidmatan bagi pelepasan barang daripada kawalan kastam.

Contoh 18

Joe Fly Sdn. Bhd. telah mendapat kontrak untuk menyediakan perkhidmatan pengangkutan penumpang udara dari Pulau Langkawi ke Labuan. Perkhidmatan pengangkutan penumpang udara di antara KD adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 19

Kemas Bersih Enterprise (KBE) adalah sebuah kedai dobi yang beroperasi di Labuan. KBE mendapat kontrak mencuci linen dan tuala Hotel Corsett Labuan. Perkhidmatan dobi oleh KBE kepada Hotel Corsett Labuan tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 20

NURFA Delivery (NURFA) memberikan perkhidmatan penghantaran barang di dalam Pulau Langkawi kepada pelanggannya. NURFA mengeluarkan invoice dan mengenakan caj penghantaran barang. Perkhidmatan penghantaran

barang yang disediakan adalah suatu perkhidmatan bercukai dan tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

158. Mana-mana perkhidmatan bercukai disediakan di Malaysia oleh mana-mana orang yang tempat utama perniagaan terletak di KD adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 21

Ibu pejabat syarikat Coiler Tech Sdn. Bhd. (CTSB) terletak di Pulau Langkawi. CTSB telah menandatangani kontrak pengurusan penyenggaraan penghawa dingin dengan Syarikat Jeti Kuala Kedah, Kedah. Perkhidmatan yang disediakan oleh CTSB tersebut adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

159. Mana-mana perkhidmatan bercukai disediakan dalam KD oleh mana-mana orang yang tempat perniagaan utamanya terletak di Malaysia adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 22

Forrelle Fruits Sdn. Bhd. (FFSB) adalah sebuah syarikat yang ditubuhkan di Cameron Highland, Pahang dan mempunyai kepakaran dalam penanaman buah-buahan. FFSB telah mengendalikan satu seminar di Labuan berkaitan jenis-jenis baja yang sesuai dengan tanaman kepada pekebun-pekebun di Sabah dengan bayaran tertentu. Perkhidmatan latihan yang disediakan oleh FFSB adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

PERUNTUKAN KHAS YANG BERHUBUNGAN KAWASAN KHAS (KK)

Tafsiran

160. Di bawah Bahagian IX ACP 2018, tafsiran Malaysia dan KK adalah seperti berikut:

- (i) 'Malaysia' tidak termasuk KK dan KD

- (ii) KK adalah kawasan zon bebas, gudang berlesen di bawah seksyen 65 Akta Kastam 1967, gudang pengilangan berlesen di bawah seksyen 65A Akta Kastam 1967, Kawasan Pembangunan Bersama (JDA) dan Pengkalan Bekalan Petroleum yang dilesenkan di bawah seksyen 77B Akta Kastam 1967

161. Mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan bercukai di dalam atau di antara KK oleh mana-mana orang yang berada di dalam KK adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan melainkan Menteri menetapkan dalam perintah.

162. Menteri telah menetapkan perkhidmatan berikut tertakluk kepada cukai perkhidmatan: -

- (a) Perkhidmatan pengangkutan penumpang udara;
- (b) Perkhidmatan telekomunikasi;
- (c) Perkhidmatan penginapan di dalam KK;
- (d) Perkhidmatan penyediaan makanan dan minuman di dalam KK;
- (e) Perkhidmatan logistik; dan
- (f) Perkhidmatan bagi pelepasan barang daripada kawalan kastam.

Contoh 22

Lailer Hotel (LH) adalah sebuah premis yang menyediakan perkhidmatan penginapan yang terletak di KK. Perkhidmatan penginapan yang disediakan oleh LH adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 23

Sutabakkusu Manpower Enterprise (SME) adalah sebuah syarikat yang beroperasi di Zon Bebas Pelabuhan Klang, Selangor. SME membekalkan pekerja kepada Moshi Coffee Sdn. Bhd. (MCSB) iaitu sebuah premis berstatus

Gudang Pengilangan Berlesen. Perkhidmatan pekerjaan yang disediakan oleh SME kepada MCSB adalah tidak bercukai.

163. Mana-mana perkhidmatan bercukai yang disediakan di Malaysia oleh mana-mana orang yang berada di dalam KK adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 24

Syarikat Yuzi Engineering Sdn Bhd (YESB) di KK menyediakan perkhidmatan kejuruteraan kepada syarikat Yana Construction Sdn Bhd (YCSB) yang terletak di Pasir Puteh, Kelantan. Perkhidmatan kejuruteraan dilakukan di Pasir Puteh, Kelantan. Perkhidmatan ini tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

164. Mana-mana perkhidmatan bercukai yang disediakan dalam KK oleh mana-mana orang yang tempat perniagaan utamanya terletak di Malaysia adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 25

Sebuah syarikat di Johor Bahru, Johor menyediakan perkhidmatan perakaunan kepada sebuah syarikat yang terletak di Zon Bebas Stulang Laut, Johor. Perkhidmatan perakaunan dilakukan di Johor Bahru, Johor. Perkhidmatan ini tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 26

Sebuah syarikat di Zon Bebas Bukit Kayu Hitam, Kedah memberikan perkhidmatan perundingan kepada syarikat yang terletak di Changlun, Kedah. Perkhidmatan perundingan dilakukan di Bukit Kayu Hitam, Kedah. Perkhidmatan ini tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Pembayaran (*Disbursement*) dan Pembayaran Balik (*Reimbursement*)

165. Layanan cukai perkhidmatan ke atas pembayaran dan pembayaran balik boleh dirujuk kepada *Guide on Disbursement and Reimbursement*.

KETETAPAN CUKAI PERKHIDMATAN

Ketetapan Umum

166. Ketetapan umum dikeluarkan selaras dengan kuasa yang diberikan di bawah seksyen 41 ACP 2018. Ketetapan umum adalah keputusan yang dibuat oleh Ketua Pengarah dan dikeluarkan kepada orang awam untuk memberikan panduan mengenai tafsiran dan pemakaian mana-mana peruntukan ACP 2018. Ketetapan umum bermatlamat untuk memberikan kejelasan dan ketelusan dalam perundangan cukai perkhidmatan.

167. Sebarang ketetapan umum yang dikeluarkan adalah terpakai kepada mana-mana orang atau golongan orang, atau apa-apa jenis aktiviti perniagaan. Jika sesuatu keputusan telah dikeluarkan, Ketua Pengarah boleh menarik balik sama ada keseluruhan atau sebahagian ketetapan itu.

Ketetapan Kastam

168. Ketetapan kastam dikeluarkan selaras dengan kuasa yang diberikan di bawah seksyen 42 ACP 2018. Mana-mana orang boleh memohon kepada Ketua Pengarah untuk mendapatkan ketetapan kastam berkenaan layanan cukai perkhidmatan. Ketetapan kastam adalah suatu keputusan yang dibuat oleh Ketua Pengarah bertujuan untuk memastikan kejelasan dan ketelusan layanan cukai dan mematuhi peruntukan perundangan cukai perkhidmatan.

169. Permohonan ketetapan kastam hendaklah menggunakan suatu borang yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah dan tertakluk kepada fi yang ditetapkan.

170. Apabila suatu permohonan untuk ketetapan kastam diterima, Ketua Pengarah akan membuat keputusan yang akan berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam ketetapan itu.

171. Seseorang yang telah memperoleh ketetapan kastam dikehendaki untuk memberitahu secara bertulis kepada Ketua Pengarah sama ada terdapat perubahan material yang dibuat kepada perkiraan yang dikenalpasti dalam ketetapan kastam.

172. Jika suatu peruntukan ACP 2018 dipinda atau dimansuhkan yang berkaitan dengan ketetapan kastam yang telah dikeluarkan, ketetapan itu akan di pinda dan berkuat kuasa dari tarikh pindaan ketetapan itu.

173. Mana-mana orang boleh memohon kepada Ketua Pengarah bagi ketetapan kastam di bawah seksyen 42, ACP 2018 mengenai perkara yang berikut:

- (i) Penentuan perkhidmatan bercukai;
- (ii) Penentuan orang kena cukai;
- (iii) Prinsip yang akan diguna pakai untuk tujuan penentuan nilai sesuatu perkhidmatan bercukai;
- (iv) Perkara lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah.

174. Maklumat lanjut berhubung ketetapan kastam boleh dirujuk kepada Panduan Ketetapan Kastam.

KAJIAN SEMULA DAN RAYUAN

175. Selaras dengan seksyen 81 ACP 2018, mana-mana orang yang mempertikaikan keputusan seorang pegawai yang sah yang bertindak dalam perjalanan tugasnya, boleh merayu kepada Ketua Pengarah dalam tempoh 30 hari dari tarikh dia menerima keputusan untuk kajian semula dengan syarat tiada rayuan dibuat atas perkara yang sama kepada Tribunal atau mahkamah.

176. Walau bagaimanapun, mana-mana orang yang tidak bersetuju dengan keputusan Ketua Pengarah boleh merayu kepada Tribunal Rayuan Kastam dalam tempoh 30 hari dari tarikh pemberitahuan keputusan kajian semula itu.

PERUNTUKAN PERALIHAN

Pemansuhan Akta GST 2014

177. Berkuat kuasa 1 September 2018, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (ACBP) 2014 dimansuhkan. Kesan ke atas cukai barangan dan perkhidmatan (CBP) mulai 1 September 2018 adalah seperti berikut:

- (i) CBP tidak lagi boleh dikenakan ke atas apa-apa pembekalan perkhidmatan yang dibuat di Malaysia dan sebarang perkhidmatan yang diimport ke Malaysia;
- (ii) Penyediaan perkhidmatan yang ditetapkan dikenakan cukai perkhidmatan.
- (iii) Penerusan liabiliti, dsb.
 - (a) Apa-apa liabiliti yang ditanggung boleh dikuatkuasakan;
 - (b) CBP yang genap masa boleh dikutip atau diremitkan manakala CBP terlebih bayar atau terkhilaf bayar, boleh dikembalikan;
 - (c) Seksyen 178, 181 dan 191 Akta CBP 2018 terus terpakai selepas 1 September 2018.

Pendaftaran pada Tarikh Permulaan Kuat Kuasa

178. Pembekal perkhidmatan yang menyediakan perkhidmatan bercukai sebelum 1 September 2018 dan telah melebihi nilai ambang dengan menggunakan kaedah masa depan iaitu pada bulan September 2018 dan 11 bulan ke hadapan, hendaklah memohon pendaftaran dalam masa 30 hari dari 1 September 2018. Pendaftarannya bermula pada 1 Oktober 2018 dan orang berdaftar hendaklah mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai berkuatkuasa dari tarikh tersebut.

179. Pembekal perkhidmatan yang menyediakan perkhidmatan sebelum 1 September 2018 tetapi perkhidmatan ini menjadi perkhidmatan bercukai pada 1 September 2018 dan telah memohon untuk pendaftaran sebelum 1 September 2018.

Pendaftaran bermula pada 1 September 2018 dan orang berdaftar hendaklah mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai berkuatkuasa dari tarikh tersebut.

180. Pembekal perkhidmatan yang didaftarkan untuk CBP sebelum 1 September 2018 yang menyediakan perkhidmatan bercukai pada 1 September 2018 dianggap telah didaftarkan di bawah ACP 2018 jika jumlah nilai perkhidmatan bercukai melebihi nilai ambang dengan menggunakan kaedah masa depan dan hendaklah mengenakan cukai perkhidmatan pada 1 September 2018.

Pendaftaran Automatik

181. Orang kena cukai yang berdaftar CBP yang telah dikenalpasti dan memenuhi kriteria yang ditetapkan akan didaftarkan secara automatik sebagai orang berdaftar di bawah ACP 2018. Orang berdaftar perlu mengenakan cukai mulai 1 September 2018.

Pengemukaan Penyata / Pengisytiharan Untuk Tempoh Bercukai Yang Terakhir, Pembayaran CBP Dan Menuntut Cukai Input dan Pulang Balik.

182. Tempoh bercukai terakhir bagi orang berdaftar CBP adalah berakhir pada 31 Ogos 2018.

183. Pengemukaan penyata CBP (GST-03) bagi tempoh bercukai terakhir dan bayaran CBP hendaklah dibuat dalam tempoh satu ratus dua puluh hari (120 hari) mulai 1 September 2018 sehingga 29 Disember 2018.

184. Apa-apa perisytiharan (GST-04) dan pembayaran CBP hendaklah dibuat dalam tempoh tiga puluh hari (30 hari) mulai 1 September 2018 sehingga 30 September 2018.

185. Apa-apa cukai input yang belum dituntut sebelum 1 September 2018 hendaklah dituntut dalam penyata di bawah perenggan 161 dan tuntutan itu dianggap sebagai tuntutan akhir untuk semua cukai input.

186. Apa-apa bayaran balik adalah tertakluk kepada pengesahan, pengauditan atau penyiasatan yang mana cukai input belum dibuat oleh Ketua Pengarah pada 1

September 2018; atau apa-apa cukai input di bawah perenggan 172, bayaran balik itu hendaklah dibayar oleh Ketua Pengarah dalam tempoh enam tahun dari 1 September 2018.

Semakan Semula Dan Rayuan Yang Belum Selesai

187. Ketua Pengarah boleh membuat keputusan mengenai permohonan semakan yang dibuat sebelum 1 September 2018, pada atau selepas 1 September 2018;

188. Keputusan semakan yang dibuat oleh Ketua Pengarah sebelum atau selepas 1 September 2018, yang boleh dirayu hendaklah dirayu kepada Tribunal Rayuan Kastam dengan syarat bahawa rayuan itu dibuat dalam masa tiga puluh hari (30 hari) dari tarikh keputusan itu;

189. Tribunal Rayuan CBP, boleh terus mendengar dan memutuskan apa-apa rayuan yang belum selesai sebelum 1 September 2018, pada atau selepas 1 September 2018.

Ejen Cukai CBP

190. Ejen cukai yang berdaftar di bawah seksyen 170, ACBP 2014 dibenarkan untuk mewakili orang berdaftar CBP sehingga habis tempoh lesennya dan adalah tidak dibenarkan untuk mewakili orang kena cukai bagi tujuan cukai perkhidmatan.

PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berkaitan panduan ini sila berhubung:

Bahagian Cukai Dalam Negeri (SST)
Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Aras 5-6, Tower A, Suasana PjH,
Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2
62100 Putrajaya.

BANTUAN DAN INFORMASI BERKAITAN SST

Informasi selanjutnya boleh didapati di:

- (i) Laman Web SST: <https://mysst.customs.gov.my>
- (ii) Pusat Panggilan Kastam
 - Hotline : 1-300-888-500
 - Telefon : 03-8882 2100/2300/2500
 - Email : ccc@customs.gov.my